

06/08/1997

Universiti Komanwel terima surat akhir Ogos

Mohd Fuad Razali

MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka menyampaikan surat pelawaan untuk menubuhkan Universiti Komanwel menjelang akhir bulan ini atau awal bulan depan.

Dengan pelawaan itu kelak, Universiti Komanwel menjadi universiti swasta kelima ditubuhkan di negara ini.

Surat itu akan diserahkan kepada Lembaga Universiti Komanwel yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Kali terakhir surat pelawaan menubuhkan universiti swasta diberikan kepada Yayasan Must Ehsan untuk menubuhkan Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Must) pada 7 Julai lalu.

Najib berkata, beliau sudah mendengar taklimat mengenai segala keperluan mengenai penubuhan universiti itu, termasuk konsep dan perancangan fizikalnya.

Katanya, syarikat korporat, Kumpulan Renong Berhad (Renong) sudah memberi persetujuan untuk membiayai sepenuhnya pembangunan fizikal universiti itu.

"Oleh itu, kerajaan membuat keputusan untuk memberi surat pelawaan kepada Universiti Komanwel akhir bulan ini atau awal bulan depan kerana mereka telah memenuhi keperluan yang diperlukan bagi penubuhan universiti itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan syarahan perdana kedua Kursi Cemerlang Tan Sri Noah di Dewan Kuala Lumpur, Pusat Dagangan Dunia Putra di ibu negara, semalam.

Syarahan itu disampaikan oleh penyandang kursi berkenaan, Prof David Marshall Hunt dan bertajuk 'Repatriation: why is this relevant for Malaysians and Malaysian multinational enterprises?'.  
Sewaktu berucap di Persidangan Ke-13 Menteri Pendidikan Komanwel di Gaborone, Botswana, minggu lalu, Najib mengumumkan, kumpulan pertama pelajar yang bakal mengikuti pengajian di Universiti Komanwel akan diambil tahun depan dan ditempatkan di sebuah kampus sementara sebelum kampus tetapnya siap.

Pembinaan fasa pertama kampus tetap universiti itu dijangka dimulakan pada pertengahan tahun 2000. Ia akan ditubuhkan dengan kerjasama daripada universiti terkemuka, Universiti Cambridge bertujuan mempromosi pendidikan tinggi di kalangan negara anggota Komanwel.

Menurut Najib, universiti itu akan dibina di atas tapak seluas 400 hektar di kawasan bandar baru 2,000 hektar di Tapah, Perak.

Najib akan memberikan maklumat terperinci mengenai penubuhan Universiti Komanwel sewaktu majlis penyerahan surat pelawaan itu.

Najib juga berkata, idea penubuhan Universiti Komanwel lahir hasil daripada hubungan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Tabung Amanah Komanwel.

Mengenai pengumumannya berhubung penubuhan universiti itu di Garborone, Najib berkata, Menteri Pendidikan Komanwel cukup berminat dengan cadangan itu dan mengucap tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana dapat mengusahakan universiti yang bakal memberi peluang kepada seluruh warga negara anggota pertubuhan itu.

"Ini adalah sumbangan kita yang bermakna kepada negara sedang membangun iaitu negara Selatan," katanya.

(END)

